



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2017

## Lagi mahu SPRM siasat kekayaan keluarga Dr. M

UM-24/6/2017 pg.13

**SHAH ALAM 23 Jun** -Gelombang hilangnya kepercayaan terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad dan anaknya, Datuk Seri Mukhriz dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) semakin marak apabila terbaharu, satu lagi laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai kekayaan luar biasa mereka dibuat oleh ahli parti itu.

Ahli Jawatankuasa PPBM Shah Alam, Wan Mohammad Ashraf Nasjaruddin berkata, dia hilang kepercayaan terhadap Mahathir dan Mukhriz yang masing-masing memegang jawatan Pengerusi serta Timbalan Presiden dalam PPBM, setelah persoalan bagaimana keluarganya boleh memiliki sehingga 488 syarikat di dalam negara tidak dijawab.

Malah, apa yang lebih mengecewakan lagi dakwa Wan Mohammad Ashraf, usahanya untuk mendapat penjelasan daripada Mukhriz berhubung isu tersebut sehingga sanggup memandu dari Shah Alam ke Sungai Petani, Kedah, bagi menemui bekas Menteri Besar Kedah tersebut, akhirnya hanya dilayan secara acuh tidak acuh.

“Saya antara penggerak utama PPBM sewaktu parti hendak ditubuhkan, saya bawa masuk sehingga 3,000 ahli tetapi isu kekayaan luar biasa keluarga Dr. Mahathir termasuk Mukhriz telah menyebabkan saya hilang kepercayaan. Jadi saya buat laporan kepada SPRM dan mendesak agar siasatan terperinci dilakukan sebelum pilihan raya umum.

“Laporan ini dibuat kerana kekayaan mereka luar biasa selain tiada sebarang jawapan

diberikan, sebaliknya apabila ada Exco Pemuda PPBM bertindak membangkitkan isu ini, mereka dipecat,” katanya kepada pemberita selepas membuat laporan kepada SPRM negeri, di sini hari ini.

Pada 11 Jun lalu, Exco Pemuda PPBM, Muhammad Hafiz Azhar yang juga Ketua Biro Keselamatan Pusat, membuat kejutan apabila mendesak Dr. Mahathir agar menjelaskan kepada semua pihak bagaimana keluarganya boleh memiliki kekayaan luar biasa sehingga menimbulkan pelbagai pertanyaan dalam kalangan orang ramai.

Langkah itu kemudiannya disusuli pula seorang lagi exco Pemuda, Abd. Wahazir Abd. Wahabi yang tampil menyerahkan semua senarai syarikat dimiliki Dr. Mahathir kepada SPRM, sebelum kedua-duanya dipecat keahlian daripada PPBM.

Mengulas lanjut mengenai isu tersebut, Wan Mohammad Ashraf berkata, Dr. Mahathir dan keluarganya perlu tampil menjawab kerana orang ramai hendak tahu dari mana datangnya punca kekayaan itu, bukannya ‘membunuh’ demokrasi dalam PPBM dengan memecat mana-mana ahli yang bertanyakan tentang aspek integriti.

“Tetapi disebabkan Dr. Mahathir dan Mukhriz hingga sekarang tidak mahu menjawab, saya mendesak SPRM agar melakukan siasatan segera sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) berlangsung kerana rakyat perlu diberitahu sama ada benarkah mereka itu pemimpin yang bersih atau sebaliknya,” katanya.